



# TAWARAN SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)

## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

### SESI 2018/2019

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mempelawa warga negara Malaysia yang telah ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam dan luar negara / Ijazah Sarjana / Doktor Falsafah untuk memohon Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) bagi mengikuti pengajian sepenuh masa sesi pengajian 2018/2019. Pemohon yang ingin memohon SPH hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran, Sijil Tahfiz Al-Quran, Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang dikeluarkan oleh Jakim dan Diploma Tahfiz Al-Quran yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) .
- iii. berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tidak melebihi 40 tahun bagi peringkat Ijazah Lanjutan;
- iv. Tidak menerima apa-apa tajaan atau biasiswa daripada mana-mana agensi;
- v. Pelajar yang menerima pinjaman seperti PTPTN atau mana-mana agensi pinjaman pendidikan adalah layak memohon. Pelajar yang menerima pinjaman perlu menamatkan pinjaman sekiranya ditawarkan SPH;
- vi. Telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi atau sedang mengikuti pengajian di tahun 2 dan ke atas; dan mempunyai kelayakan akademik seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1: Kelayakan Akademik**

Bil.	Program Pengajian	Syarat Minimum Akademik
1.	Ijazah Sarjana Muda	<p><b>Diploma Tahfiz al-Quran Jakim / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 3.0 ke atas</b></p> <p><b>ATAU</b></p> <p>SPM 5 Kepujian / STPM 2 Prinsipal B (Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab) / STAM Pangkat <i>Jayyid Jiddan</i></p> <p><b>+</b></p> <p><b>Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.5 ke atas</b></p> <p><b>ATAU</b></p> <p>SPM 5 Kepujian / STPM 2 Prinsipal B (Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab) / STAM Pangkat <i>Jayyid Jiddan</i></p> <p><b>+</b></p> <p><b>STM Pangkat <i>Mumtaz</i></b></p>
2.	Ijazah Sarjana Muda (tahun 2 dan ke atas)	<p><b>PNG/PNGK tahun pertama 3.5 ke atas</b></p> <p><b>+</b></p> <p><b>Diploma Tahfiz al-Quran / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 2.75 ke atas</b></p> <p><b>Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.0 ke atas /</b> <b>STM Pangkat <i>Mumtaz</i></b></p>

Bil.	Program Pengajian	Syarat Minimum Akademik
3.	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda PNGK 3.3 ke atas atau setaraf dan diiktiraf kerajaan + Diploma Tahfiz al-Quran / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 3.0 ke atas Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.5 ke atas / STM Pangkat <i>Mumtaz</i>
4.	Ijazah Kedoktoran (PhD)	Ijazah Sarjana PNGK 3.5 ke atas / LULUS atau setaraf dan diiktiraf kerajaan + Diploma Tahfiz al-Quran / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 3.0 ke atas Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.5 ke atas / STM Pangkat <i>Mumtaz</i>

**Pelajar yang tidak layak memohon adalah seperti yang berikut:**

- (a) calon yang telah mendapat tajaan / biasiswa daripada mana-mana penaja;
- (b) pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat matrikulasi / Asasi Sains / Pra Universiti / *Foundation* / Pensijilan Tahfiz al-Quran / Pusat Bahasa;
- (c) penjawat awam; dan
- (d) pelajar yang sedang mengikuti program Pengajian Jarak Jauh.

#### **BIDANG PENGAJIAN**

Luar negara - Ijazah Sarjana Muda - Pengajian Islam.

Dalam Negara - Ijazah Sarjana Muda –  
- Pengajian Islam;  
- Sastera  
- Sains Teknologi;  
- Perakaunan

Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (PhD) –  
- Pengajian Islam.

#### **TEMPAT PENGAJIAN**

Dalam Negara :- Universiti Awam (UA) yang diiktiraf oleh kerajaan.

Luar negara :-

##### **Jordan :**

- I. Universiti Mu'tah
- II. Universiti Al-Balqa
- III. Universiti Al-Hashemite
- IV. Universiti Amman
- V. Universiti Jordan, Amman
- VI. Universiti Al-Albayt
- VII. Universiti Yarmouk

##### **Mesir :**

- I. Maahad Qiraat Al-Azhar
- II. Universiti Al-Azhar
- III. Maahad Qiraat Mansoura
- IV. Universiti Thanta

##### **Indonesia :**

- I. Institut Agama Islam Negeri Alauddin, Makassar
- II. Institut Agama Islam Negeri Antasari, Bandjarmasin
- III. Institut Agama Islam Negeri Imam Bondjol, Padang
- IV. Institut Agama Islam Negeri Raden Fatah, Palembang
- V. Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalidjaga
- VI. Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah
- VII. Institut Agama Islam Negeri Thaha Sjaifuddin Djambi
- VIII. Institut Agama Islam Negeri Wali Songo, Semarang
- IX. Institut Agama Islam Raden Intan, Lampung
- X. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh
- XI. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau
- XII. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Medan
- XIII. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya
- XIV. Universitas Islam Negeri Sunan Gunong Djati, Bandung

## KADAR SPH

Kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan pada **14 September 2018 (Jumaat)**

## CARA MEMOHON

Tatacara Permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Permohonan hanya boleh dibuat melalui aplikasi **Mozila Firefox / Chrome** atas talian secara percuma dengan melayari portal Jakim di [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my) atau [sph.islam.gov.my](http://sph.islam.gov.my).
- ii. Pemohon dibenarkan mengemas kini maklumat yang telah diisi pada bila-bila masa sehingga tarikh tutup permohonan. Hanya maklumat yang terkini sahaja diambil kira sebagai penerimaan permohonan;
- iii. **Borang permohonan atas talian yang dimuat turun, dicetak, dan dihantar melalui pos tidak akan diproses;**
- iv. Permohonan secara atas talian tidak memerlukan penghantaran salinan sijil-sijil, kecuali dinyatakan dalam ruangan cetak slip.
- v. Pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak dan menyemak maklumat yang terkandung di dalam "**Slip Pengesahan Permohonan SPH 2018**" sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat.
- vi. Sebarang pertanyaan mengenai SPH boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Pembangunan Insan Jakim di talian **03-88707000 / 7181 / 7160 / 7169** atau melalui e-mail [sph.islam@1govuc.gov.my](mailto:sph.islam@1govuc.gov.my) atau [sph\\_jakim@yahoo.com](mailto:sph_jakim@yahoo.com).